

MEDIA RELEASE

10 Februari 2017

Anugerah Guru Arif Budiman 2017

Anugerah Guru Arif Budiman yang dimulakan pada tahun 2007 merupakan anugerah tahunan yang bertujuan untuk mengiktiraf guru-guru bahasa Melayu yang berbakti secara bermakna dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah arus utama. AGAB 2017 akan dianjurkan bersama oleh Majlis Bahasa Melayu, Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

2. Penganugerahan ini, yang bakal masuk tahun kesebelas, telah memberikan penghargaan kepada seramai 45 orang guru bahasa Melayu daripada sekolah rendah, sekolah menengah dan prauniversiti. Tahun ini, sejumlah empat anugerah, dua daripada setiap kategori: sekolah rendah dan sekolah menengah dan prauniversiti akan diberikan.

3. Calon-calon akan dinilai berdasarkan keupayaan mereka meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar mereka. Sikap, dedikasi dan ketekalan calon dalam mencapai kecemerlangan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah juga akan dipertimbangkan. Selain bakti profesional mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran, kesungguhan calon-calon untuk berkhidmat melangkaui tuntutan tugas mereka seperti kepekaan dan keprihatinan terhadap keperluan dan kebajikan pelajar juga akan dinilai. Calon-calon juga harus mencerminkan nilai-nilai Arif Budiman – insan yang berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat – melalui khidmat cemerlang dan merupakan suri teladan sebagai seorang pendidik.

4. Pencalonan dibuka dari **10 Februari 2017** hingga **7 April 2017**. Pelajar, pendidik, ibu bapa dan orang awam diundang untuk mencalonkan calon-calon yang sesuai menggunakan borang pencalonan rasmi yang akan disebarikan melalui media massa dan semua sekolah arus utama Singapura. Borang-borang pencalonan juga boleh dimuat turun dari lelaman-lelaman berikut:

www.mbms.sg

www.mllpc.sg

www.beritaharian.sg

5. Pencalonan juga boleh dilakukan melalui platform dalam talian di <http://tinyurl.com/AGAB2017-nomination>.

6. Setiap pencalonan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Majlis Bahasa Melayu, Singapura
Persatuan Guru Bahasa Melayu
Berita Harian
Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Sekretariat, Jawatankuasa Penganjur AGAB 2017
c/o Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu
Kementerian Pendidikan Singapura
1 North Buona Vista Drive
Singapura 138675

Alamat E-mel: MOE_MLLPC_Secretariat@moe.gov.sg